

**FAKTOR YANG MENGHALANG DAN MENDORONG
PELAJAR UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL
MALAYSIA (UPNM) DALAM MELAKUKAN
AKTIVITI FIZIKAL**

UDIN BIN AMAT

**SARJANA SAINS
(SAINS KEJURULATIHAN)**

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

2022

**FAKTOR YANG MENGHALANG DAN MENDORONG
PELAJAR UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL
MALAYSIA (UPNM) DALAM MELAKUKAN AKTIVITI
FIZIKAL**

UDIN BIN AMAT

Kertas Kajian ini dihantar kepada Pusat Siswazah, Universiti Pertahanan Nasional
Malaysia untuk memenuhi keperluan Sarjana Sains (Sains Kejurulatihan)

2022

ABSTRAK

Penyelidikan ini dilakukan bertujuan mengenal pasti faktor menghalang dan mendorong penglibatan pelajar dalam aktiviti fizikal di UPNM, meninjau hubungan di antara faktor-faktor menghalang dan faktor-faktor mendorong aktiviti fizikal dengan pembangunan sukan (komitmen) di kalangan pelajar UPNM dan membentuk model pembangunan sukan (komitmen) di UPNM. Kajian kuantitatif menggunakan kaedah kaji selidik dilaksanakan terhadap N = 336 orang responden kalangan pelajar UPNM yang dipilih secara rawak. Soalan kajian diambil dan diubahsuai daripada soalan kajian penyelidikan terdahulu yang dinamakan *Leisure Constrain Questionnaire* yang berdasarkan kepada teori asas Hirarki Penghalang Masa Lapang Crawford dan Godbey dan Model Komitmen Scanlen bertajuk *Sport Commitment Questionnaire (SCQ)* oleh Scanlan digunakan sebagai soalan asas kepada pembangunan sukan (komitmen). Dapatan kajian mendapati faktor menghalang struktur, 'Kekurangan kemudahan/peralatan sukan di UPNM' menunjukkan nilai Min tertinggi dalam faktor menghalang (Min = 3.44, SP = 1.28). Manakala faktor kesihatan, 'Sukan dapat meningkatkan kecergasan fizikal' menunjukkan nilai skor tinggi (min = 4.65, SP = 0.58) telah menunjukkan faktor utama mendorong pelajar aktif dalam aktiviti fizikal di UPNM. Hasil Ujian korelasi pearson menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pembangunan sukan (komitmen) dengan nilai signifikan pada aras $p < .01$. Namun, ujian regresi linear menunjukkan bahawa terdapat empat daripada lapan faktor telah dipilih dalam model regresi yang melibatkan pemboleh ubah motivasi, interpersonal, infrastruktur dan intrapersonal (faktor menghalang) yang mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pembangunan sukan apabila $p < 0.05$ dengan nilai R^2 0.661 dan, empat pemboleh ubah (intrapersonal (menghalang), struktur (menghalang), akademik dan kesihatan) telah menunjukkan nilai min tertinggi dalam ujian korelasi pearson tetapi ditolak dari model regresi apabila nilai $p > 0.05$. Hasil dapatan melalui ujian regresi berperingkat (*stepwise*) yang diterima dalam model diambil bagi membentuk Model Pembangunan Sukan (Komitmen) di UPNM. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa empat item iaitu motivasi, interpersonal, infrastruktur dan intrapersonal (faktor menghalang) menjadi pemangkin kepada Pembangunan Sukan (Komitmen) di UPNM.

ABSTRACT

The aim of the research was to identifying factors that constraint and encourage student involvement in physical activity at UPNM, examine the relationship between factors that constraints and factors that encourage physical activity with sports development (commitment) among UPNM students and form a model of sports development (commitment) at UPNM. A quantitative study using the survey method was conducted on N = 336 respondents among UPNM students who were randomly selected. The study questions were taken and adapted from previous research questions called Leisure Constraint Questionnaire which is based on the basic theory of Crawford and Godbey Leisure Constraint Hierarchy and Scanlen Commitment Model entitled Sport Commitment Questionnaire (SCQ) by Scanlan is used as a fundamental question to sports development. The findings of the study found that the structural constraint factor, 'Lack of sports facilities/equipment at UPNM' showed the highest Mean value in the constraint factor (Mean = 3.44, *SD*= 1.28). While the health factor, 'Sports can improve physical fitness' showed a high score value (Mean = 4.65, *SD* = 0.58) which showed the main factor encouraging students to be active in physical activity at UPNM. The results of the Pearson correlation test showed that all variables had a significant relationship with the sports development (commitment) with a significant value at the level of $p < .01$. The results of the Pearson correlation test show that all variables have a significant relationship to the development of sports. However, linear regression tests showed that four of the eight factors were selected in the regression model involving motivational, interpersonal, infrastructure and intrapersonal variables (constraint factors) that had a significant relationship to sports development (commitment) when $p < 0.05$ with a value of R^2 0.661 and four (intrapersonal (constraint), structural (constraint), academic and health) have shown the highest mean values in the Pearson correlation test but were subtracted from the regression model when the p-value was > 0.05 . The results obtained through the regression test received in this model were taken to form the Sports Development Model (Commitment) in UPNM. The conclusion of this shows that four things, namely motivational, interpersonal, infrastructure and intrapersonal (constraint factors) are the catalyst for Sports Development (Commitment) in UPNM.

PENGHARGAAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bersyukur kepada Allah subhanallah taala dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan tesis dengan jayanya walaupun pelbagai cabaran dan halangan yang ditempuhi. Alhamdulillah.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia utama iaitu Profesor Dr. Mohar bin Kassim diatas tunjuk ajar, nasihat dan berkongsi idea dan mengajar saya dalam penulisan kertas kajian master, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para peserta dalam kaji selidik saya, yang telah bersedia untuk berkongsi masa mereka yang berharga semasa proses bertindak balas kepada soal selidik.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga saya yang sentiasa memberi galakan dan nasihat sepanjang saya melaksanakan kajian ini. Sesungguhnya, pengorbanan saya telah dilakukan dan saya akan ingat hidup ini. Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

KELULUSAN JAWATANKUASA PEMERIKSA

Panel Penilai telah bersidang pada **14 September 2022** untuk peperiksaan akhir kepada **MEJ UDIN BIN AMAT** untuk Kertas kajian bertajuk **FAKTOR MENGHALANG DAN MENDORONG PELAJAR UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) DALAM MELAKUKAN AKTIVITI FIZIKAL**

Panel memutuskan pelajar ini diberi kepujian Sarjana Sains (Sains Kejurulatihan)

Panel Penilai seperti berikut:

Dr. Jorrye bin Jakiwa

Akademi Kecergasan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Pengerusi)

Dr. Ahmad Bisyri Husin Musawi bin Maliki

Akademi Kecergasan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Prof. Madya Dr. Rozita binti Abdul Latif

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
(Pemeriksa Luar)

KELULUSAN JAWATANKUASA PENYELIAAN

Kertas Kajian ini telah dihantar ke senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan diterima untuk memenuhi keperluan Sarjana Sains (Sains Kejurulatihan). Senarai Nama Penyelia seperti berikut.

Profesor Dr Mohar bin Kassim

Fakulti Akademi Kecergasan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Penyelia Utama)

Leftenan Kolonel Prof Madya Dr. Mohammad Daud bin Hj Johari (B)

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Penyelia Kedua)

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
DEKLARASI TESIS**

Nama: Mej Udin Bin Amat

Tarikh Lahir: 16 Spetember 1982

Tajuk: FAKTOR MENGHALANG DAN MENDORONG PELAJAR UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) DALAM MELAKUKAN AKTIVITI FIZIKAL

Sesi Akademik: 2017 /2018

Saya dengan ini mengesahkan hasil kerja di dalam tesis ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali *quotations* dan rumusan yang telah disahkan.

Saya dengan ini mengesahkan tesis ini sebagai:

RAHSIA (Mengandungi maklumat rahsia dibawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad seperti mana telah dinyatakan oleh organisasi dimana tesis ini dijalankan)

TERBUKA (Saya bersetuju tesis saya akan diterbitkan sebagai sumber Akses terbuka (Teks penuh)

Saya mengesahkan pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak seperti berikut:

1. Tesis ini merupakan hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan bagi tujuan penyelidikan.
3. Pihak perpustakaan mempunyai hak untuk membuat salinan tesis sebagai rujukan akademik.

Tandatangan

** Tandatangan Penyelia/ Dekan PPS/
Ketua Pustakawan

Nombor Kad Pengenalan

** Tandatangan Penyelia/ Dekan PPS/
Ketua Pustakawan

Tarikh: _____

Tarikh: _____

Nota: * Sekiranya tesis adalah RAHSIA/TERHAD, sila lampirkan surat daripada organisasi yang menyatakan

tempoh serta justifikasi kerahsiaan dan sekatan

** Saksi

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KELULUSAN JAWATANKUASA PEMERIKSA	v
KELULUSAN JAWATANKUASA PENYELIAAN	vi
DEKLARASI TESIS	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB	
1	PENDAHULUAN
1.1	Pendahuluan 1
1.2	Latar Belakang Kajian 4
1.2.1	Sejarah Ringkas Pelajar di UPNM 6
1.3	Penyataan Masalah 7
1.4	Objektif Kajian 10
1.5	Persoalan Kajian 10
1.6	Kepentingan Kajian 11
1.7	Limitasi Kajian 12
1.8	Definasi Operasi 13
1.9	Struktur Kajian 17
BAB	
2	KAJIAN LITERATUR
2.1	Pendahuluan 20
2.2	Program Sukan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) 22

2.3	Kepentingan Aktiviti Fizikal dalam Kalangan Pelajar	26
2.4	Budaya Aktiviti Fizikal di Kampus	30
2.5	Jantina Mempengaruhi Penglibatan dalam Aktiviti Fizikal	32
2.6	Elemen Satu Pelajar Satu Sukan dalam <i>Leaders of Character</i>	35
2.7	Kesan Faktor Menghalang Infrastruktur dan Struktur Terhadap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Fizikal	37
2.8	Kesan Menghalang Interpersonal dalam Aktiviti Fizikal	41
2.9	Faktor Menghalang Intrapersonal dalam Mempengaruhi Aktiviti Fizikal	45
2.10	Kesihatan Mendorong Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Fizikal	47
2.11	Aktiviti Fizikal Mendorong Kepada Pencapaian Akademik	50
2.12	Motivasi Mendorong kepada Penyertaan Aktiviti Fizikal	54
2.13	Pembangunan Sukan Negara	58
2.14	Hubungan Intrapersonal dan Interpersonal dalam Kemahiran Kognitif dan Somatik Aktiviti Fizikal	59
2.15	Sosiologi Pendorong Utama Interpersonal dalam Aktiviti Fizikal	61
	2.15.1 Interaksi Sosial terhadap Aktiviti Fizikal	61
	2.15.2 Sosialisasi Menerusi Aktiviti Fizikal	63
	2.15.3 Sosialisasi ke dalam Aktiviti Fizikal	64
	2.15.4 Kepentingan Sosialogi dalam Aktiviti Fizikal	64
	2.15.5 Kesan Sosialisasi Aktiviti Fizikal kepada Pelajar	66

2.16	Model	67
2.16.1	Piramid Pembangunan Sukan	67
2.16.2	Model Pembangunan Kemahiran Insaniah (<i>Soft Skill</i>)	68
2.16.3	Model Hirarki Penghalang Masa Lapang	70
2.16.4	Model Komitmen Sukan	72
2.17	Kerangka Konseptual	74
2.18	Rumusan	77
BAB		
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	80
3.2	Reka Bentuk Kajian	80
3.3	Instrumentasi Kajian	82
3.3.1	Soal Selidik	82
3.3.2	Reka Bentuk Soal Selidik	84
3.4	Sampel Kajian	86
3.5	Prosedur Kajian	87
3.6	Kajian Rintis	88
3.7	Pengumpulan Data	90
3.8	Analisis Kajian	91
3.9	Rumusan	93
BAB		
4	ANALISIS DATA	
4.1	Pendahuluan	94
4.2	Penyata Demografi	95
4.2.1	Analisis Jantina	96
4.2.2	Analisis Bangsa	97
4.2.3	Profil Umur	98
4.2.4	Profil Kekekrapan Aktiviti Fizikal	99
4.2.5	Bidang Yang Ingin Diceburi Responden	100
4.3	Analisis Nilai Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah Bebas dan Pemboleh Ubah Bersandar	101

4.4	Analisis Faktor Menghalang Pelajar Kurang Aktif dalam Aktiviti Fizikal	102
4.4.1	Analisis Faktor Menghalang Struktur	103
4.4.2	Analisis Faktor Menghalang Intrapersonal	105
4.4.3	Analisis Faktor Menghalang Interpersonal	106
4.5	Analisis Nilai Kebolehpercayaan Faktor Mendorong Pelajar Aktif Dalam Aktiviti Fizikal	108
4.5.1	Analisis Faktor Mendorong Kesihatan	108
4.5.2	Analisis Faktor Mendorong Interpersonal	110
4.5.3	Analisis Faktor Mendorong Motivasi	111
4.5.4	Analisis Faktor Mendorong Akademi	112
4.5.5	Analisis Faktor Mendorong Infrastruktur	114
4.6	Analisis Pembangunan Sukan (Komitmen) (DV)	116
4.7	Ujian Normaliti Terhadap Faktor Menghalang dan Mendorong Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Fizikal	118
4.8	Analisis Statistik Inferensi	118
4.8.1	Analisis Interkorelasi Pearson di antara Faktor Menghalang dengan Pembangunan Sukan (Komitmen)	119
4.8.2	Analisis Interkorelasi Pearson Di Antara Faktor Mendorong dengan Pembangunan Sukan (Komitmen)	120
4.8.3	Analisis Regresi Pembentukan Model Pembangunan Sukan (Komitmen) menggunakan Penyelesaian Berperingkat (<i>Stepwise</i>)	123
4.9	Keputusan Persoalan Kajian	131
4.9.1	Analisis Faktor Menghalang Pelajar Kurang Aktif dalam Aktiviti Fizikal di UPNM	131

4.9.2	Analisis Faktor Mendorong Pelajar Melibatkan Diri dalam Aktiviti Sukan di UPNM	133
4.9.3	Analisis Hubungan di antara faktor-faktor Menghalang dan Faktor-Faktor Mendorong dengan Pembangunan Sukan (Komitmen)	133
4.9.4	Analisis Pembentukan Model Pembangunan Sukan dalam Membantu Meningkatkan Mutu Sukan di UPNM	134
4.10	Rumusan	138
BAB		
5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	
5.1	Pendahuluan	140
5.2	Ringkasan Kajian	141
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	143
5.3.1	Kekerapan Aktiviti Fizikal	143
5.3.2	Faktor Menghalang dan Mendorong Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Fizikal di UPNM	144
5.3.3	Hubungan Kolerasi Pearson dan Regresi Linear	145
5.4	Model Pembangunan Sukan	146
5.5	Impak Model Kepada Pembangunan Sukan	147
5.6	Cadangan Kajian Hadapan	149
RUJUKAN		150

LAMPIRAN

- A. Soalan Kaji Selidik
- B. Jadual Saiz Sampel Untuk Aktiviti Penyelidikan oleh Krejcie dan Morgan dan Cohen's
- C. Statistik Bilangan Pelajar UPNM Mengikut Lokasi Penginapan Sesi Akademik 2017/2018
- D. Maklumbalas Responden
- E. Biodata Pelajar

SENARAI RAJAH

Perkara	Tajuk	Muka Surat
Rajah 1.1	<i>Leaders of Character</i>	5
Rajah 1.2	Atribut Sukan (1P1S)	6
Rajah 1.3	Kekerapan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Fizikal Selama Seminggu	8
Rajah 1.4	Carta Aliran Kajian	19
Rajah 2.1	Piramid Pembangunan Sukan	67
Rajah 2.2	Tujuh Elemen Kemahiran Insaniah	69
Rajah 2.3	Model Hirarki Penghalang Masa Lapangan <i>Crawford & Godbey</i>	71
Rajah 2.4	Model Komitmen Sukan	73
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual	79
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian	81
Rajah 3.2	Pengkelasan Umur Pelajar	87
Rajah 4.1	Analisis Kajian	95
Rajah 4.2	Jantina Responden	96
Rajah 4.3	Profil Bangsa	97
Rajah 4.4	Profil Umur	98
Rajah 4.5	Kekerapan Bersukan Responden dalam Seminggu	100
Rajah 4.6	Bidang Yang Ingin Diceburi Respoden	101
Rajah 4.7	Histogram normaliti pemboleh ubah bebas dengan pembangunan sukan (komitmen)	130
Rajah 4.8	Plot normaliti P-P pemboleh ubah bebas dengan pembangunan sukan (komitmen)	131
Rajah 4.9	Keputusan Ujian Regresi Linear Yang Menunjukkan Hubungan Pemboleh Ubah Yang Signifikan	135

SENARAI JADUAL

Perkara	Tajuk	Muka Surat
Jadual 3.1	Jadual Kebolehpercayaan Alpha Mengikut Struktur Soalan	89
Jadual 3.2	Item Kajian Rintis yang Diubahsuai dan Dikeluarkan	89
Jadual 3.3	Jadual Tahap Kecenderungan Mengikut Skor Min	91
Jadual 3.4	Tafsiran Pekali Korelasi Pearson	92
Jadual 4.1	Penyata Demografi	95
Jadual 4.2	Statistik Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah	102
Jadual 4.3	Nilai Kebolehpercayaan Faktor Menghalang Pelajar Kurang Aktif Dalam Aktiviti Fizikal	103
Jadual 4.4	Faktor Menghalang Struktur Mengikut Min dan Skor	104
Jadual 4.5	Faktor Menghalang Intrapersonal Mengikut Min dan Skor	106
Jadual 4.6	Faktor Menghalang Interpersonal Mengikut Min dan Skor	107
Jadual 4.7	Nilai Kebolehpercayaan Faktor Mendorong Pelajar Kurang Aktif Dalam Sukan	108
Jadual 4.8	Faktor Mendorong Kesihatan Mengikut Min dan Skor	109
Jadual 4.9	Faktor Mendorong Interpersonal Mengikut Min dan Skor	111
Jadual 4.10	Faktor Mendorong Motivasi Mengikut Min dan Skor	112
Jadual 4.11	Faktor Mendorong Akademik Mengikut Min dan Skor	113

Jadual 4.12	Faktor Mendorong Infrastruktur Mengikut Min dan Skor	115
Jadual 4.13	Pembangunan Sukan (Komitmen) Mengikut Min dan Skor	117
Jadual 4.14	Kolerasi Pearson di antara Faktor Menghalang dan Pembangunan Sukan (Komitmen)	120
Jadual 4.15	Kolerasi Pearson di antara Faktor Mendorong dan Pembangunan Sukan (Komitmen)	122
Jadual 4.16	Pemboleh Ubah <i>Enter</i>	123
Jadual 4.17	Nilai R dan R ²	124
Jadual 4.18	Nilai F dan Pekali	127
Jadual 4.19	Pemboleh Ubah yang Dikeluarkan dari Model	129
Jadual 4.20	Keputusan Ujian Hubungan Di Antara Pemboleh Ubah Bebas Dengan Pembangunan Sukan (Komitmen) (DV)	134

SENARAI KATA SINGKATAN

Singkatan	Nama Penuh
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
ALK	Akademi Latihan Ketenteraan
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
ATMA	Akademi Tentera Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan/Pelajaran Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
ISN	Institut Sukan Negara
MSN	Majlis Sukan Negara
MSSM	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia
MASUM	Majlis Sukan Universiti Malaysia
SUKIPT	Sukan Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
DSN	Dasar Sukan Negara
1M1S	Satu Murid Satu Sukan
1P1S	Satu Pelajar Satu Sukan
PJK	Pendidikan Jasmani & Kesihatan
WHO	<i>World Health Organization</i> (Pertubuhan Kesihatan Sedunia)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada masa kini, aktiviti sukan dalam kalangan pelajar-pelajar semakin kurang mendapat sambutan terutama pelajar-pelajar universiti. Para pelajar hanya mementingkan pencapaian akademik dan penggunaan gajet di tangan berbanding bergiat aktif dalam aktiviti sukan. Kajian Brodani, Kalinkova, Paska dan Sutka (2016), turut menerangkan perkara yang sama bahawa belia dan orang dewasa akan mengurangkan aktiviti sukan dan banyak meluangkan masa bermain komputer dan menonton televisyen. Pelbagai kempen telah dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Institut Sukan Negara (ISN), namun masih terdapat segelintir pelajar tidak mengambil berat mengenai kepentingan bersukan.

Pada dasarnya, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan setiap golongan pelajar di peringkat prasekolah hingga institusi pengajian tinggi (IPT). Kementerian Pelajaran Malaysia (2010) telah membangunkan Dasar Program 1

Murid 1 Sukan (1M1S) pada tahun 2011 yang tertumpu kepada golongan pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah melalui mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Program ini dibangunkan bertujuan untuk membudayakan aktiviti sukan di peringkat sekolah serta memberi ruang kepada pelajar untuk menceburi dan menguasai sukan yang diminati dan secara tidak langsung dapat mencapai dua kecemerlangan melibatkan bidang sukan dan akademik.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 3/1979 yang telah dikeluarkan oleh KPM bertarikh 3 Jan 1989 telah menegaskan bahawa Pendidikan Jasmani ialah salah satu mata pelajaran yang wajib bagi semua sekolah rendah dan menengah. Penekanan tahap kecergasan pelajar yang optimum turut dititikberatkan bagi membantu pelajar melaksanakan aktiviti harian dengan cekap dan berkesan tanpa berasa letih (Bahagian Sukan, 2008). Pekeliling ini memperlihatkan keprihatinan pihak KPM dalam melahirkan pelajar yang sihat, cergas dan produktif melalui pemupukan nilai, sikap, pengetahuan dan amalan kesihatan dan kecergasan dalam kehidupan seharian.

Delgado dan Gómez (2011), menerangkan bahawa nilai-nilai pendidikan merupakan satu isu kontroversi bagi pendidik sedemikian rupa sehinggakan tiada prinsip pendidikan sejagat yang menjamin satu perkembangan moral pelajar-pelajar yang disesuaikan dengan prinsip-prinsip masyarakat di mana mereka tinggal. Pendekatan aktiviti sukan dalam kehidupan bermasyarakat akan mewujudkan masyarakat demokratik dengan pembangunan nilai-nilai murni seperti toleransi, hormat-menghormati antara satu sama lain, nilai kesaksamaan, perpaduan, kebebasan, keamanan, kesihatan, dan persahabatan seperti yang telah

diserapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) di sekolah.

Menjelang tahun 2009, Majlis Sukan Negara (MSN) telah menetapkan garis panduan terhadap agensi kerajaan, bukan kerajaan, persatuan-persatuan sukan, rekreasi dan kecergasan, majlis-majlis sukan, institusi-institusi pengajian serta badan dan individu yang terlibat dengan sukan bagi merencanakan program sukan di Malaysia yang telah digariskan dalam Dasar Sukan Negara (DSN) (Kementerian Belia dan Sukan, 2009). Penggubalan DSN bertujuan bagi mewujudkan budaya sukan dalam kalangan masyarakat di Malaysia melalui pertandingan-pertandingan sukan seperti liga sukan untuk semua, sukan berprestasi tinggi dan sukan-sukan industri. Tujuan utama dasar ini adalah untuk menarik minat masyarakat bergiat aktif dalam aktiviti sukan serta meningkatkan pembangunan sukan di peringkat akar umbi. Pemeraksanaan DSN ini telah meningkatkan prestasi sukan di Malaysia dari tahun ke tahun demi melahirkan jaguh-jaguh sukan yang bertaraf dunia dalam beberapa sukan berprestij.


Bagi merealisasikan DSN, pihak KPT di bawah Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) telah mengambil langkah drastik dengan mengadakan program-program sukan sepanjang tahun seperti Sukan Kementerian Pengajian Tinggi atau lebih dikenali sebagai SUKIPT. Pada temasya Pertandingan SUKIPT 2018, sebanyak 27 jenis sukan telah dipertandingkan dan dibahagikan kepada 3 bahagian yang merangkumi 8 jenis sukan padang dan balapan, 8 jenis sukan luar (*outdoor*) dan 11 jenis sukan dalam (*indoor*). Menurut Bahari (2007), kegiatan sukan pada kebiasaannya seperti bola sepak, ragbi, bola tampar, memanah, boling

sepuluh pin dan golf turut dipertandingkan di peringkat universiti-universiti tempatan dan luar negara. Ini menunjukkan bahawa aktiviti sukan di kebanyakan IPT awam atau swasta (IPTA/IPTS) telah menjadi satu budaya yang sering diceburi oleh setiap pelajar di universiti tersebut (Mohd Zulfadli & Saifullizam, 2014).

Kajian terdahulu pernah membincangkan tentang interaksi tersebut secara berkaedah dan mengesyorkan pertimbangan masa depan sukan dan pihak berkepentingan terhadap aktiviti fizikal yang ingin ditingkatkan tahap penglibatan dan prestasi (Cote, J., Baker, 2003). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization*) melaporkan bahawa seorang dalam 4 orang dewasa dan 80% daripada populasi remaja dunia adalah tidak aktif dalam aktiviti fizikal (Brundtland, 2002).

1.2 Latar Belakang Kajian


Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah ditubuhkan pada tahun 1 Jun 1995. Dalam sistem pendidikan yang dilaksanakan di UPNM, pihak universiti telah memperkenalkan konsep *Leaders of Character* yang menekankan enam elemen penting dalam jati diri pelajar di UPNM. Keenam-enam elemen tersebut ialah Pegawai Bergraduat, Pegawai Bertauliah, Tali Pinggang Hitam (Tempur Tanpa Senjata), 1 Pelajar 1 Sukan, Imam dan *An Officer and A Gentlemen*. Kesemua elemen ini telah diketengahkan dan melihatkan bahawa sukan merupakan salah satu aspek penting yang diterapkan dalam konsep yang diperkenalkan.



(Sumber: Perutusan Naib Canselor UPNM, (Zulkifli, 2010))

Rajah 1.1: *Leaders of Character*

Dalam mengorak langkah menjadi universiti yang memartabatkan program sukan di Malaysia, UPNM telah memperkenalkan konsep 1 Pelajar 1 Sukan (1P1S) yang dijadikan salah satu atribut *Leaders of Character*. Pengkomersialan program 1P1S ini merupakan ilham daripada Pengarah Sukan, Fakulti Sains Kejurulatihan UPNM semasa penubuhannya pada tahun 2016. Program ini lebih berfokus kepada pelajar yang tidak mempunyai kemahiran atau kemampuan dalam bersukan tetapi mereka mempunyai minat untuk menceburi bidang sukan. Pelajar-pelajar yang kurang aktif akan diberi pendedahan dan peluang dalam pelbagai bentuk aktiviti sukan sebelum bergraduat. Konsep 1P1S ini memperkenalkan empat pengiktirafan bidang sukan melalui pensijilan sukan yang diiktiraf sebagai seorang atlet, jurulatih, pengamal sukan dan kepegawaian sukan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2.



(Sumber: Kertas Kerja Penubuhan Diploma Ketangkasan Pertahanan UPNM 2016)
(Akademi Kecergasan Pertahanan, 2016)

Rajah 1.2: Atribut Sukan (1P1S)

1.2.1 Sejarah Ringkas Pelajar di UPNM

Penubuhan UPNM telah dilaksanakan oleh Pihak Kementerian Pertahanan demi meningkatkan mutu pendidikan dalam kalangan warga ATM. Pada awalnya, kemasukan pegawai ke dalam perkhidmatan ATM adalah melalui kolej-kolej perkhidmatan iaitu Akademi Tentera Darat (ATD), Kapal DiRaja Sultan Idris (KDSI) dan Kolej Tentera Udara (KTU). Perubahan ini dilaksanakan demi meningkatkan mutu pendidikan dalam kalangan pegawai ATM yang mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda sebagai pelengkap kepada keperluan perkhidmatan pada masa kini. Berdasarkan statistik, sejumlah 300 orang graduan dilahirkan dalam pelbagai bidang ketenteraan yang merangkumi bidang Kejuruteraan Pertahanan, Sains dan Teknologi Pertahanan, Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, dan Perubatan dan Kesihatan Pertahanan pada setiap tahun. Kesemua program yang ditawarkan adalah berbeza daripada program-program di IPTA/IPTS yang lain. Program yang dianjurkan direka khas bagi

membantu keperluan pihak ATM dan pasukan keselamatan dalam melaksanakan tugas menjaga kedaulatan, keselamatan dan keamanan negara.

Para pelajar di UPNM turut didedahkan kepada pengetahuan awal tentera (*basic soldier*) melalui kokurikulum. Pendedahan ini diterapkan kepada semua graduan di UPNM bagi memupuk dan mewujudkan pembentukan jiwa tentera sebagai cara hidup dan cara kerja yang kondusif pada masa hadapan yang berteraskan *Leaders of Character*.

1.3 Penyataan Masalah

Sukan merupakan satu elemen yang berkait rapat dengan kesihatan kepada setiap individu terutama dikalangan para pelajar di sekolah mahupun di IPTA/IPTS. Sukan bukan sahaja dapat menyihatkan badan namun secara tidak langsung meningkatkan kecerdasan serta dapat menghilangkan tekanan kepada semua individu. Menurut Eleanor Ann Lye Neo Tan, Munira Mohsin dan Chiow Ming Chia (2015), Pendidikan Jasmani membantu meningkatkan kemampuan pelajar melalui aktiviti fizikal, sosial, emosi dan kognitif. Ini bertepatan dengan matlamat falsafah pendidikan dalam membangunkan para pelajar dari segi Jasmani, Emosi, Rohani, Intelktual dan Sahsiah (JERIS). Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menetapkan bahawa kegiatan bersukan boleh dijadikan salah satu modul pembelajaran dalam aspek kokurikulum. Namun, faktor struktur yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ialah faktor kekurangan maklumat mengenai kemudahan dan aktiviti yang dijalankan di universiti (Hassan Adnan, 2010). Menurut E. Ahmad dan